

NO SOALAN : 405

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR
BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan statistik pelancong Amerika Syarikat dari bulan Januari 2019 sehingga kini dan berapakah jumlah perbelanjaan pelancongan yang diperolehi serta sejauh manakah penarafan indikator 'k' oleh Amerika Syarikat memberikan impak kepada jumlah pelancong ke negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah ketibaan pelancong dari Amerika Syarikat dari Januari hingga Mac 2019 adalah seramai 68,812 orang iaitu peningkatan sebanyak 4.6% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018. Jumlah ketibaan bulanan adalah seperti berikut:

Januari	23,886 orang	(+10.3%)
Februari	21,734 orang	(+0.2%)
Mac	23,192 orang	(+3.3%)

Manakala jumlah perbelanjaan pelancong Amerika Syarikat yang diperolehi dari bulan Januari hingga Mac 2019 adalah dianggarkan sebanyak RM310.1 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 40.6% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018. Tren positif ketibaan pelancong Amerika Syarikat ke Malaysia memberi petunjuk bahawa penarafan indikator 'k' oleh Amerika Syarikat tidak memberikan impak yang serius terhadap kedatangan pelancong Amerika Syarikat ke negara ini.